



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

24 JULAI 2025

KENYATAAN MEDIA YB PENGERUSI PAC BERHUBUNG LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2/2025

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini mendengar taklimat Ketua Audit Negara (KAN) berhubung Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/ 2025 - Aktiviti Kementertian/ Jabatan/ Badan Berkanun/ Syarikat Kerajaan Persekutuan yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada Isnin, 21 Julai 2025 dan telah dibahaskan pada Rabu, 23 Julai 2025.
2. JAN telah membangkitkan isu-isu dalam LKAN yang dikenal pasti mempunyai aspek-aspek ketidakteraturan yang serius dan kelemahan dalam pelaksanaan program/ aktiviti/ projek.
3. Berhubung LKAN 2/ 2025 - Aktiviti Kementertian/ Jabatan/ Badan Berkanun/ Syarikat Kerajaan Persekutuan, pengauditan membabitkan sebanyak 7 Kementerian dengan 5 laporan dilaporkan serta 22 syor audit telah dikemukakan.
4. Bagi prosiding PAC untuk isu-isu di LKAN 2/ 2025, PAC akan memberikan tumpuan kepada tajuk-tajuk yang dikenal pasti mempunyai unsur 3P iaitu Penyelewengan, Penyalahgunaan Kuasa dan Pembaziran serta 1K iaitu Ketirisan.
5. Berikutan itu, PAC telah membuat keputusan untuk memanggil Kementerian/ Agensi berikut:

- i. Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah dan FELCRA Berhad untuk memberikan penjelasan berhubung Pengurusan Perolehan Ladang Sawit oleh FELCRA Berhad;
- ii. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup untuk memberikan penjelasan berhubung Pengurusan Kawalan Harga Dan Subsidi Minyak Masak; dan
- iii. Taklimat oleh Kementerian Kewangan mengenai Tatakelola Jawatankuasa Perolehan Tender.

Tarikh prosiding dan taklimat bagi tiga (3) tajuk berkaitan akan ditentukan kemudian.

6. Selain itu, PAC juga akan membentangkan dua (2) Penyata Tindakan Susulan Kementerian pada 28 Julai 2025 dan 29 Julai 2025 seperti berikut:
 - i. Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara Parlimen Terhadap Tindakan Susulan Kementerian Dalam Negeri Bagi Syor-Syor Penyata PAC Parlimen Berhubung Perolehan Sistem Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS) (DR.4/2025).
 - ii. Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara Parlimen Terhadap Tindakan Susulan Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah, Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak Dan Jabatan Air Negeri Sabah Bagi Syor-Syor Penyata PAC Parlimen Berhubung Pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar Sarawak Dan Sabah (DR.3/2025).
7. PAC mengucapkan terima kasih kepada seluruh pasukan JAN di atas penyediaan LKAN 2/ 2025 pada kali ini.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen